

Pengundi yakin kerusi Parlimen Permatang Pauh kekal milik PKR
The Malaysian Insider
Feb 11, 2015
OLEH LOOI SUE CHERN

Para pengundi di Permatang Pauh berkata PKR akan terus mempertahankan kerusi Parlimen itu sekiranya Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan tidak kira berapa kuat Barisan Nasional (BN) mencabar untuk merampas semula kerusi itu.

Ia sesuatu yang mudah bagi kebanyakan mereka, kerana Permatang Pauh merupakan kubu kuat Datuk Seri Anwar Ibrahim selama beberapa dekad, walaupun pada kali pertama beliau dipenjarakan di antara 1999 dan 2004. Kerusi itu dipegang isterinya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mereka berkata, paling hebat BN mampu lakukan ialah mengurangkan majoriti undi yang dimenangi PKR, parti Anwar dalam pilihan raya sebelumnya.

Seorang pengundi warga tua di Permatang Pauh berkata kepada The Malaysian Insider, dia yakin kerusi itu akan kekal di tangan Pakatan Rakyat (PR), dan hanya sedikit perubahan berlaku.

Warga emas yang memperkenalkan dirinya sebagai Bapa Lim – gelaran dikenali penduduk sekitar pekan itu berkata, BN tidak mempunyai sesiapa yang layak untuk mengambilnya daripada PKR.

Bapa Lim bukanlah mengkritik BN kerana dia seorang penyokong tegar atau mengundi PKR sebelum ini.

"Sejak kenaikan harga menjadi topik hangat hari ini, biarlah saya beritahu anda yang apabila Anwar menjadi menteri kewangan (1993-1998), barangan di sini juga mahal.

"Oleh itu, jika kita mahu bercakap mengenai membawa perubahan, saya tidak fikir ia sesuatu yang begitu mudah untuk dikatakan. Tetapi melihat daripada keadaan kini, amat sukar bagi BN untuk mengambil Permatang Pauh.

"Umno mungkin hanya akan berjaya mengurangkan majoriti PKR, seperti apa yang dilakukan pada 505 (Pilihan Raya Umum 5 Mei 2013)," kata lelaki itu ketika ditemui di sebuah restoran di Taman Sama Gagah, Permatang Pauh semalam.

Pada PRK 2008 - dibuat selepas Dr Wan Azizah meletakkan jawatan untuk memberi laluan kepada Anwar, bekas timbalan perdana menteri itu memenangi 31,195 undi, majoriti 15,671 lebih berbanding calon BN Datuk Arif Shah Omar Shah yang mendapat 15,524 undi dan calon ketiga, Hanafi Mamat yang hanya berjaya memperoleh 92 undi.

Pada PRU13, Anwar memenangi Permatang Pauh dengan 37,090 mengatasi calon BN Dr Mazlan Ismail iaitu sebanyak 25,369 undi dan 201 undi bagi calon Bebas, Abdullah Zawawi Samsudin. Majoriti berkurangan kepada 11,721 undi.

Sekitar waktu makan tengah hari apabila ahli Parlimen Permatang Pauh yang terkenal itu gagal dalam rayuannya terhadap sabitan kes liwat di Mahkamah Persekutuan awal semalam dan kembali ke penjara bagi tempoh lima tahun.

Ramai penduduk tempatan tidak menyedari perkembangan terkini dan terkejut, seperti Lim yang menyangka The Malaysian Insider menipu sehingga kawannya memberitahu ia adalah benar.

Ahli perniagaan Chong Thian Fuh, 53, berkata dia tidak faham mengapa Anwar terpaksa dipenjarakan atas tuduhan liwat.

"Dia bukannya melakukan pembunuhan," katanya sambil cuba menerima berita itu.

Chong berkata dia percaya PKR akan menang lagi kerana penduduk di Permatang Pauh menyokong Anwar.

"Ia bukan bermakna setiap pengundi celik atau peduli banyak tentang politik. Ramai yang keluar mengundi kerana ia adalah suatu kewajipan.

"Tetapi ada juga yang melakukannya kerana sedar mereka ingin memilih seseorang yang boleh menjadi pengimbang kepada parti pemerintah," katanya.

Ng Ah Thiam, 65, yang mengharapkan Anwar menang dan dibebaskan, juga bersetuju penduduk akan memberikan undi mereka kepada PKR, sebahagiannya kerana kecewa kepada kerajaan persekutuan dan simpati terhadap keluarga Anwar.

"Tidak kira siapa yang dipilih sebagai calon, PKR akan menang. Mereka boleh meletakkan sesiapa sahaja, 'Ah Too, Ah Kau' (dialek Hokkien bersamaan Tom, Dick dan Harry) dan calon itu akan menang," katanya.

Rakan Lim, yang hanya memberikan nama keluarganya, Kee, 65, juga bersetuju PR akan menang lagi kerana sentimen memihak kepada pakatan pembangkang selepas Anwar dihantar kembali ke penjara.

"Saya 99% pasti dia akan dipenjarakan semula. Ia bukan kerana mereka sengaja mahu berbuat demikian, tetapi mereka terpaksa. Anwar menggali dan bercakap terlalu banyak mengenai pelbagai isu ke mana sahaja dia pergi.

"Selagi dia bebas di luar, mereka tidak selesai. Dan kini tanpa Anwar, PR mungkin berpecah ... tiada siapa yang benar-benar boleh menggantikannya," kata lelaki yang bekerja sendiri itu.

Kee juga mengkritik PR, mengatakan ia tidak melakukan banyak perubahan untuk Permatang Pauh tetapi ia menikmati kedudukan yang selesa kerana mendapat sokongan daripada ramai pengundi Cina di Pulau Pinang.

"PR sebenarnya bagus dalam perkara mencungkil kesalahan dan menonjolkan

kesilapan pesaing mereka. Kekurangan BN ialah 'tak pandai main wayang'.

"Tetapi itu keadaannya. Satu-satunya cara untuk BN menang adalah jika mereka membawa satu beg wang dengan mereka," katanya berjenaka.

Daud Salleh yang ditemui di sebuah kedai kopi di Permatang Pasir menyatakan pengundi atas pagar akan menjadi penentu bagi kemenangan Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional. –Gambar The Malaysian Insider oleh Hasnoor Hussain, 10 Februari, 2015. Daud Salleh yang ditemui di sebuah kedai kopi di Permatang Pasir menyatakan pengundi atas pagar akan menjadi penentu bagi kemenangan Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional. –Gambar The Malaysian Insider oleh Hasnoor Hussain, 10 Februari, 2015. Penduduk Permatang Pasir Daud Salleh, 61, melalui banyak pilihan raya di Permatang Pauh dan bakal menyaksikan PRK ketiga disebabkan Anwar.

Dia berkata berasa ragu bakal menyaksikan momentum sama dengan sebelum ini, jadi dia juga menjangkakan PKR menang dengan majoriti yang kurang.

"Saya rasa kali ini peratus keluar mengundi rendah, yang mana bukan luar biasa dalam sesuatu PRK. Saya rasa pengundi atas pagar juga akan menjadi faktor yang menentukan berapa banyak undi PKR dan Umno boleh dapat.

"Kita tunggu dan lihat sahaja lah," katanya, sambil menambah dia berharap ia juga membawa kepada pembangunan di kawasan ini.

Fadzli Yusof, 44, yang menguruskan sebuah gerai mee rebus di Permatang Pasir, berkata BN mungkin mempunyai peluang 50-50.

"Mereka mempunyai pemimpin baru di Permatang Pauh, orang muda. Mungkin dia boleh melakukan sesuatu untuk membantu prestasi Umno yang lebih baik dalam PRK ini," katanya, merujuk kepada Ketua Umno bahagian Permatang Pauh, Datuk Mohd Zaidi Mohd Said.

Fadzli berkata kawasan itu ketinggalan daripada pembangunan yang pesat kerana ia merupakan kawasan pembangkang.

"Beberapa tahun lalu, terdapat rancangan untuk membina sebuah sekolah politeknik di Permatang Pasir tetapi ketika itu kerusi dipegang oleh PR (PAS). Oleh itu, sekolah ini dibina di Seberang Jaya, yang dipegang oleh Umno pada masa itu."

Semalam, para pemimpin Umno Pulau Pinang berikrar untuk berjuang menawan semula Permatang Pauh, yang dianggap kubu Anwar sejak beliau memulakan kerjaya dan menang pada 1982.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Seri Zainal Abidin Osman dan Zaidi berkata, parti itu bersedia untuk PRK sejak Anwar didapati bersalah oleh Mahkamah Rayuan pada Mac tahun lepas dalam kes liwat keduanya.

Zaidi menggesa rakyat menerima keputusan Mahkamah Persekutuan yang

mengembalikan penyabitian Anwar oleh Mahkamah Rayuan.

Beliau juga berkata yakin Umno boleh memberikan hasil yang baik dalam PRK kali ini.

Kebanyakan penduduk di Permatang Pauh, Pulau Pinang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan. – Gambar The Malaysian Insider oleh Hasnoor Hussain, 10 Februari, 2015. Kebanyakan penduduk di Permatang Pauh, Pulau Pinang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan. – Gambar The Malaysian Insider oleh Hasnoor Hussain, 10 Februari, 2015. Permatang Pauh di Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang, adalah salah satu daripada 29 kerusi Parlimen yang dipegang oleh PKR. Kawasan ini meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya dan Penanti, yang dipegang oleh PKR; dan Permatang Pasir, kerusi tunggal yang dipegang oleh PAS di Pulau Pinang.

Selain Seberang Jaya yang lebih maju dan komersial, dua kawasan DUN adalah lebih luar bandar, yang mempunyai sawah padi dan aktiviti pertanian; kampung-kampung dengan gerai-gerai makan kecil yang dikendalikan oleh keluarga, program inap desa dan industri kampung; dan bandar-bandar dengan perniagaan kecil.

Menurut daftar pemilih 2013, kerusi Parlimen mempunyai ini 71,699 pengundi, dengan 70% Melayu, 23% Cina, 6% India dan 0.4% kaum lain. – 11 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengundi-yakin-kerusi-parlimen-permatang-pauh-kekal-milik-pkr>